



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

**PERTANDINGAN USAHAWAN INOVASI
PIALA MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA 2019**

**GARIS PANDUAN DAN FORMAT PENYERTAAN
PERTANDINGAN USAHAWAN INOVASI PIALA MENTERI PENDIDIKAN
MALAYSIA 2019**

1.0 LATAR BELAKANG

Pertandingan Usahawan Inovasi Piala Menteri Pendidikan Malaysia dianjurkan bagi menyokong Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2016-2020 khususnya di bawah inisiatif ke-3 untuk menambahbaik ekosistem yang menyokong pembangunan keusahawanan pelajar. Pertandingan ini bertujuan untuk memupuk nilai dan membina atribut keusahawanan yang tinggi dalam kalangan pelajar.

Pertandingan ini juga memberi ruang dan peluang kepada pelajar menyampaikan idea dan kreativiti mereka dalam penghasilan produk inovasi dan keusahawanan yang berpotensi untuk dikembangkan ke peringkat yang lebih berdaya saing. Pemilihan pemenang membolehkan idea dan inovasi mereka diaplikasikan sebagai sebuah perniagaan yang mampan serta membolehkan mereka menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan setelah bergraduasi.

2.0 OBJEKTIF

- (i) Memberi pendedahan dan peluang kepada pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) untuk mengembangkan idea dan kreativiti melalui inovasi keusahawanan.
- (ii) Meningkatkan jaringan perniagaan antara pelajar IPT dan industri melalui aktiviti keusahawanan.
- (iii) Menggalakkan pelajar IPT menghasilkan inovasi produk dan reka cipta yang berkualiti serta mempunyai nilai komersial yang tinggi untuk dipromosikan bagi pasaran yang lebih global dan berdaya saing.

3.0 SYARAT PENYERTAAN

- 3.1 Terbuka kepada semua pelajar universiti awam dan swasta, politeknik dan kolej komuniti dan kolej vokasional. Setiap penyertaan adalah secara **individu atau kumpulan maksimum 4 orang pelajar** yang mengikuti pengajian secara **sepenuh masa** di peringkat Diploma dan Sarjana Muda.
- 3.2 **Maksimum penyertaan** institusi adalah sebanyak **lima (5) penyertaan sahaja**.
- 3.3 Pencalonan bagi setiap penyertaan hendaklah melalui **Pusat Inovasi Mahasiswa dan Keusahawanan Teknologi UTM (UTM XCITE)**.
- 3.4 Penyertaan daripada Politeknik dan Kolej Komuniti hendaklah dicalonkan masing-masing melalui **Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti**, manakala bagi Kolej Vokasional hendaklah melalui **Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV)**.
- 3.5 Yuran penyertaan adalah **PERCUMA**.
- 3.6 Projek inovasi keusahawanan hendaklah **dihasilkan oleh pelajar** dalam tempoh **tahun akademik 2018/2019 sehingga tahun akademik 2019/2020**.
- 3.7 Projek inovasi keusahawanan boleh terdiri daripada produk atau perkhidmatan atau aplikasi ICT meliputi ekonomi, sosial dan kenegaraan.
- 3.8 Projek inovasi keusahawanan hendaklah mempunyai ciri dan kriteria yang memberikan manfaat yang besar kepada komuniti/masyarakat/negara dan mempunyai nilai komersil yang tinggi.
- 3.9 Laporan dan pembentangan hendaklah disediakan dan disampaikan menggunakan **Bahasa Inggeris**.

- 3.10 Setiap idea atau produk yang dihasilkan perlu asli dan menepati syarat ditetapkan. Idea atau produk yang pernah memenangi pertandingan di sebarang peringkat oleh mana-mana penganjur adalah tidak layak menyertai pertandingan ini.
- 3.11 Pihak penganjur berhak membatalkan penyertaan dengan serta-merta sekiranya maklumat yang diberikan oleh peserta tidak menepati syarat-syarat yang ditetapkan.
- 3.12 Segala keputusan panel juri adalah **MUKTAMAD** dan sebarang bantahan/aduan tidak akan dilayan.

4.0 FORMAT PENYERTAAN

- 4.1 Setiap penyertaan perlu mengemukakan laporan yang mengandungi dokumen berikut kepada UTM XCITE sebelum atau selewat-lewatnya pada **15 September 2019 (Ahad), sebelum jam 5.00 petang.**

A. *Hardcopy*

- (i) Lima (5) salinan laporan Rancangan Perniagaan dalam **Bahasa Inggeris** menggunakan **Font Arial bersaiz 12 dan langkau baris 1.5.**
- (ii) Laporan tidak melebihi **2500 patah perkataan** (tidak termasuk lampiran dan dokumen sokongan) dan hendaklah mempunyai 1 muka surat ringkasan eksekutif tidak melebihi **250 patah perkataan.**
- (iii) Nama kumpulan, institusi, butiran nama pelajar, tahap pengajian dan nombor matrik serta maklumat perhubungan (alamat, no. telefon dan emel) hendaklah dituliskan dengan jelas di muka hadapan laporan. Maklumat ini perlu disahkan oleh Penasihat Akademik / Penasihat Projek / Timbalan Dekan Akademik / UTM XCITE.
- (iv) Salinan kad matrik pelajar.

B. Softcopy

- (i) *Video pitching* mengenai produk inovasi keusahawanan (maksimum 3 minit) perlu dihantar dalam format *mpeg* atau *mp4*.
- (ii) Salinan laporan dan dokumen sokongan dalam format *Microsoft Word* dan *pdf*.

***Sila rujuk senarai semak yang dilampirkan.**

4.2 Penyertaan hendaklah dikemukakan kepada berikut:

**Pusat Inovasi Mahasiswa dan Keusahawanan
Teknologi UTM (UTM XCITE)
Unit Keusahawanan,
Aras 1, Blok S44,
Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru
(Cik Zetty Raihan / En. Nabil Fikri)
No. Tel. : 07-5535104 / 5536809
Emel : zetty@utm.my / m_nabilfikri@utm.my**

5.0 JADUAL PERTANDINGAN

26 September 2019	Tarikh akhir penghantaran borang penyertaan dan laporan
2 – 4 Oktober 2019	Penilaian peringkat saringan – laporan idea inovasi keusahawanan
29 – 30 Oktober 2019	Penilaian peringkat separuh akhir – pembentangan poster, persembahan digital dan prototaip produk
31 Oktober 2019	Pembentangan akhir – <i>business pitching</i>
1 November 2019	Majlis penyampaian hadiah

**Pasukan yang layak ke setiap peringkat akan dimaklumkan melalui e mel.*

6.0 HADIAH

- ❖ Pemenang utama :
 - RM10,000 geran pembangunan keusahawanan, piala iringan dan plak sijil.
- ❖ Tempat ke-2 :
 - RM6,000 geran pembangunan keusahawanan dan plak sijil.
- ❖ Tempat ke-3 :
 - RM3,000 geran pembangunan keusahawanan dan plak sijil.

**SENARAI SEMAK
PERTANDINGAN USAHAWAN INOVASI
PIALA MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA 2019**

Institusi :
 Nama Pegawai Penyelaras :
 No. Tel (Pejabat & Telefon Bimbit) :
 Emel :
 Tandatangan :

NO.	PERKARA	SENARAI SEMAK PESERTA Tandakan (√)	SENARAI SEMAK URUSETIA Tandakan (√)
1	Laporan dalam Bahasa Inggeris (≤2500 patah perkataan)		
2	Ringkasan eksekutif (≤250 patah perkataan)		
3	Maklumat di muka surat hadapan (Nama kumpulan, Institusi, nama pelajar dan nombor matriks, maklumat perhubungan (no. telefon dan emel))		
4	Salinan kad matrik pelajar		
5	Video Pitching – 3 minit (format mpeg / mp4)		
6	Salinan <i>softcopy</i> laporan dan dokumen sokongan (format <i>Microsoft Word & PDF</i>)		

UNTUK KEGUNAAN URUSETIA SAHAJA:

Nota :

Disemak oleh :

Jawatan :

Tandatangan :

Tarikh:

**SLIP PENGESAHAN
PERTANDINGAN USAHAWAN INOVASI PIALA MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA 2019**

Pengesahan penerimaan dokumen daripada

Seperti berikut :

- (i) Laporan Rancangan Perniagaan dalam Bahasa Inggeris (≤2500 patah perkataan)
- (ii) Ringkasan eksekutif (≤250 patah perkataan)
- (iii) Maklumat di muka surat hadapan (Nama kumpulan, Institusi, butiran nama pelajar dan nombor matriks, maklumat perhubungan (no. telefon dan emel))
- (iv) Salinan kad matrik pelajar
- (v) Video Pitching - 3 minit (format mpeg / mp4)
- (vi) Salinan *softcopy* laporan dan dokumen sokongan (format Microsoft Word & PDF)

Terima oleh:

Jawatan :

Tandatangan :

Cop Rasmi :

Tarik:

Masa: